



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 5/2023**

PUSAT TRIGONOMETRI

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Putrajaya
2023**

© **Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2023**

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 5/2023
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 5/2023**

Pusat Trigonometri

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati semua Pentadbir Tanah berkenaan keperluan pusat-pusat trigonometri.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. Pusat trigonometri merupakan rujukan utama jaringan kawalan pengukuran. Pusat-pusat ini dijadikan rujukan utama bagi kerja-kerja penandaan, pengukuran sempadan antarabangsa dan sebagai rujukan dalam kajian ukuran geodetik. Kebanyakan pusat trigonometri ini berada di kawasan tanah tinggi dan terpencil di atas tanah kerajaan. Kewujudan pusat-pusat trigonometri ini adalah amat penting dan perlu dikekalkan. Pemeliharaan pusat-pusat trigonometri ini diperjelaskan melalui Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bilangan 8 Tahun 1952 bertajuk "*Preservation of Trigonometrical Stations*" yang menyebut mengenai kepentingan garis penglihatan yang jelas ke pusat-pusat trigonometri, gangguan penglihatan dielakkan serta tidak dibiarkan dalam keadaan terkurung atau tidak dapat dilihat.

3. Pentadbir Tanah dinasihatkan untuk mencadangkan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mempertimbangkan kawasan sekitar pusat trigonometri dengan radius 20 meter untuk diisytiharkan sebagai tanah rizab menurut seksyen 62 Kanun Tanah Negara [Akta 828] bagi maksud pusat trigonometri dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dilantik sebagai pegawai pengawal serta Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri sebagai pegawai penyelenggara tapak tersebut.


4. Pentadbir Tanah dinasihatkan juga untuk memaklumkan kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri jika kawasan berhampiran pusat-pusat trigonometri terlibat dengan pemberimilikan tanah atau projek lain bagi memastikan urusan tersebut tidak mengganggu fungsi pusat trigonometri. Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri adalah bertanggungjawab untuk menyelenggara dan memelihara kawasan sekitar pusat trigonometri tersebut.

PEMBATALAN

5. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 28/1977 bertajuk "Mengekalkan Pusat Trigonometri (Disemak 2009)" adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh pekeliling ini dikeluarkan.



(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

No. Fail: JKPTG.BDK.100-1/3/1 Jld. 3

Tarikh : **27** Disember 2023